



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 15 JULAI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	JAWI, JAIS KEKALKAN PERATURAN IZIN KORBAN, COVID-19, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2. 3.	FAMA GIVES FOOD ITEMS TO FRONTLINERS, NEWS, THE SUN -2 HARGA DURIAN DI TERENGGANU DIJANGKA TURUN RM3 SEKILOGRAM, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	PERKHIDMATAN AWAM TERUS TEGUH LAKSANA KEPERLUAN SEMASA, NASIONAL, SH -5 SLOW MOO-VING CATTLES SALES, NATION, THE STAR -9 SIPUT KEMUDI ' TALIAN HAYAT' NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -26 MEKANIK CIPTA BUGGY GUNA KREATIVITI SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -24 TERENGGANU LAMBAK 7,080 TAN DURIAN, NEGARA, KOSMO -7 KERAJAAN NEGERI TAK BERTOLAK ANSUR, OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB, SH -9 PEKEBUN DILARANG MASUKI JSK BATU TALAM UNTUK AMBIL BARANG TERTINGGAL, OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB, SH -9 RPDR - PKPP BAKAL AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG, OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB, SH -9 RIPE FOR HARVEST, THOUSAND WORDS, THE STAR -10 REDUCED BOUNTRRY FROM THE SEA, MUKA DEPAN, THE STAR -1 FISHING FURTHER OUT TO LAND BETTER CATCH, NEWS, THE STAR -2 SOUTH JOHOR FISHERMEN WANT STATE GOVT DEVELOP AGRO-TOURISM PRODUCTS, NEWS, THE STAR -2 FISHERMEN URGED TO TKAE UP AQUACULTURE, FISH FARMING, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	HARIAN METRO	COVID-19	11

# Jawi, Jais kekalkan peraturan izin korban

**Kuala Lumpur:** Ibadah korban bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor masih dilaksanakan tahun ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) ketat di sebalik jumlah kes Covid-19 yang kian meningkat sejak beberapa hari lalu.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Mohd Ajib Ismail berkata, setakat ini kebenaran ibadah korban masih diteruskan tanpa perubahan, namun SOP perlu dipatuhi pihak yang akan menjalankan ibadah itu.

“Setakat ini tiada sebarang perubahan kebenaran ibadah korban.

“Jawi akan maklumkan dari semasa ke semasa jika terdapat sebarang perubahan,” katanya ketika dihubungi

Harian Metro.

Beliau berkata, proses penyembelihan binatang korban, lapah, potong dan pembungkusan daging korban hanya akan dilaksanakan di Rumah Sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengikut penyelarasan Jawi melalui pejabat Pentadbiran Zon.

Sementara itu, jurucakap Seksyen Komunikasi Korporat Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) juga memaklumkan tiada sebarang perubahan terhadap kebenaran diberikan sebelum ini.

“Kebenaran ibadah korban masih kekal seperti diumumkan sebelum ini,” katanya.

“  
Jawi akan maklumkan dari semasa ke semasa jika ada perubahan”  
Mohd Ajib

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	THE SUN	NEWS	2

## Fama gives food items to frontliners

**KUALA TERENGGANU:** The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), concerned about time constraints faced by frontliners battling Covid-19, has taken the initiative to contribute food items to them.

State Fama director Che Ghani Che Wan said the contribution, consisting of 420kg of fruits, vegetables and other items, was part of an Agriculture and Food Industries Ministry programme.

"Among those who received the contributions were the Hulu Terengganu Hospital, Sultanah Nur Zahirah Hospital in Kuala Terengganu, Gong Gemuntong vaccination centre in Besut and security forces manning roadblocks around Kuala Terengganu.

"The state Fama handed the contributions to 110 frontliners at the Covid-19 low-risk quarantine and treatment centre at Universiti Teknologi Mara in Chendering yesterday," he told reporters.

Among the items were pumpkins, sweet potatoes, okra, red chillies, tomatoes, cucumbers, cabbages, bananas, noodles and mineral water.

On a separate matter, Che Ghani said durian prices in Terengganu are expected to be cheaper in mid-August because more than 7,080 tonnes of the fruit grown in the state will be ready for sale.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Harga durian di Terengganu dijangka turun RM3 sekilogram



CHE Ghani menyerahkan sumbangan buah-buahan dan sayuran kepada Dr Sharifah Azizah di PKRC UiTM Chendering. FOTO Ahmad Rabiul Zulkifli

Kuala Terengganu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri menjangka harga durian di negeri ini menurun sehingga RM3 sekilogram bermula awal Ogos ini.

Penurunan harga itu berikutan bekalan durian yang dijangka terlalu banyak susulan banyak kebun mengeluarkan hasil.

Pengarah Fama negeri, Che Ghani Che Wan berkata, pihaknya menasarkkan sebanyak 7,080 tan durian akan dihasilkan di negeri ini hingga September tahun ini.

"Sekarang sudah bermula musim durian gugur di Terengganu dan ia bermula di Besut dan beberapa kawasan di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

"Pada awal Ogos nanti dijangka semua dusun dan kebun durian di negeri ini akan mengeluarkan hasil serentak.

"Sekali gus menyebabkan harga durian di kebun menurun daripada RM6 sekilogram kepada RM3 sekilogram," katanya ketika ditemui pada Program Tanggungjawab Sosial (CSR) Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) melalui Fama di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Chendering, di sini, hari ini.

Pada program itu sumbangan berupa buah-buahan dan sayuran diserahkan Che Ghani kepada Pengarah Operasi PKRC Chendering, Dr Sharifah Azizah Syed Mohammad Shibli.

Che Ghani berkata, durian boleh dibeli dengan harga rendah berbanding sekarang selepas kebun durian di negeri ini mengeluarkan hasil dan dijual di pasaran.

"Sekarang durian agak mahal kerana diambil dari luar Terengganu seperti di Johor.

"Harga menjadi mahal kerana penjual mengambil kira kos pengangkutan mereka selain durian dijual ialah durian klon yang memang berharga tinggi berbanding durian kampung.

"Berkemungkinan jika harga durian di kebun terlalu rendah, Fama akan turut membantu memasarkan durian itu di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi supaya tidak berlaku lambakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

## Perkhidmatan awam terus teguh laksana keperluan semasa

**PUTRAJAYA** - Perkhidmatan awam terus memberikan komitmen dan responsif terhadap keperluan semasa berpandukan data serta maklumat tepat serta terkini dalam penggubalan, pelaksanaan dasar, tindakan juga operasi yang diputuskan kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali menegaskan kerjasama kukuh dan kesefahaman jitu antara agensi kerajaan dan swasta adalah ramuan utama kejayaan bagi setiap pelaksanaan program dan inisiatif terutamanya melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk negara keluar dari kemelut pandemik ini.

"Kita mungkin belum berjaya namun anggota perkhidmatan awam sentiasa te-

guh dalam mengelas amanah dan tanggungjawab yang diberikan demi negara yang tercinta," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Memurutnya, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah mengakibatkan perubahan ketara dalam kehidupan manusia sejagat dan negara kini masih menghadapinya selama 18 bulan.

"Dalam mendepani krisis ini, kerajaan melaksanakan pelbagai strategi, inisiatif dan pelan tindakan bagi membendung penularan Covid-19 untuk mengimbangi kehidupan dan kelangsungan hidup," katanya.

Beliau berkata, belum pernah dalam

lipatan sejarah negara menempuh satu kehidupan penuh liku akibat pandemik Covid-19 melalui pelaksanaan Perintah Kawalan-Pergerakan (PKP).


"Bagaumanapun, impak kepada kelangsungan hidup ini dapat ditangani dengan pelaksanaan lapan pakej rangsangan ekonomi serta Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) secara besar-besaran kepada rakyat," kata beliau.

Dalam pada itu, Mohd Zuki berkata, Pakej Rangsangan Ekonomi yang diarahkan oleh Prihatin dan seterusnya Penjana, Permai, Pemeriksa serta Permuli merupakan usaha strategik kerajaan dalam meringankan beban ditanggung oleh rakyat.

"Buat pertama kali dalam sejarah, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM500 bilion untuk kesemua pakej yang dinyatakan demi memastikan kejayaan pelaksanaan program ini.

"Pada masa yang sama, PICK juga sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan sejajar dengan bekalan vaksin yang diperolehi," katanya.

Seterusnya, beliau berkata, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM5 bilion untuk perolehan dan penyediaan vaksin secara percuma kepada rakyat dengan lebih 11 juta penduduk telah menerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin.



### Slow moo-ving cattle sales

The sale of cows for Hari Raya Haji has dropped by about 50% due to the Covid-19 pandemic. Saujana Agro Trading manager Mohd Zukhairy Mohamad Zamahsari, 34, says mosques are limited to a sacrifice of three cows only. 'We used to sell 500 cows, and now we only managed to sell 200.' — FAIHAN GHANI/The Star.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

# Siput kemudi 'talian hayat' nelayan

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

utusannews@mediamulia.com.my

**JASIN:** Selepas kali terakhir ditemukan sekitar dua tahun lalu di pesisir laut berhampiran Kampung Padang Temu, kini siput kemudi muncul semula di Pantai Siring di sini sekali gus menjadi 'talian hayat' buat penduduk ketika pandemik.

Seorang peniaga pasar malam, **Mohd. Irfan Budin**, 33, berkata, siput kemudi atau dipanggil beliung oleh penduduk tempatan secara tidak sengaja dikesan oleh seorang nelayan ketika melangai udang pada bulan lalu.

Sejak itu, dia dan beberapa rakan termasuk nelayan turun ke laut setiap kali air surut untuk mencarinya bagi dijadikan sumber pendapatan se-

lepas terjejas teruk sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan dilanjutkan pula pada PKP 3.0.

"Kami akan memburu secara berkumpulan dan berjaya mengumpul kira-kira 100 ekor setiap seorang dalam tempoh empat hingga lima jam.

"Semua hasil laut itu dikumpulkan untuk dijual kepada peraih pada harga 80 sen sehingga RM1 setiap ekor.

"Dengan hasil jualan itu, dapatlah duit untuk kami belanja danampung keluarga pada

waktu 'sesak' ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pantai Siring di sini, semalam.

Bagaimanapun, kata Mohd. Irfan, aktiviti memburu siput itu ada risiko apabila empat daripada mereka pernah dimasukkan ke hospital akibat disengat obor-obor dan ular laut, dua minggu lalu.

Jelasnya, cara mencari siput kemudi adalah dengan kaedah meraba cengkerang menggunakan kaki untuk mengetahui kedudukan hasil laut berkenaan, sebelum mengambilnya menggunakan tangan,"ujarnya.

Sementara itu, seorang peraih, **Muhammad Akashah Abu Samah**, 41, berkata, siput tersebut diminati ramai kerana isinya memuaskan, lebih besar berbanding kupang, lala dan kerang.

"Selepas dua tahun, baru siput ini muncul semula dan saya kira ia adalah sumber rezeki yang tidak disangkakan. Namun, kita tidak tahulah banyak mana siput kemudi ini ada di sini kerana ia membiak sendiri dan tidak dikomersialkan.



**MOHD. Irfan Budin** menunjukkan siput kemudi yang telah dikutipnya di Pantai Siring, Jasin, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

15/7/2021

UTUSAN  
DALAM NEGERI

24

MALAYSIA

# Mekanik cipta *buggy* guna kreativiti sendiri

**TASEK GELUGOR:** Kreativiti seorang anak tempatan menghasilkan kereta golf atau *buggy* yang unik mendapat perhatian apabila kisahnya tular dalam laman media sosial terutamanya Facebook.

Pemilik *buggy* tersebut, Muhamad Sodri Zubir, 47, berkata, projek itu dimulakannya sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 Mac tahun lepas, namun hanya berjaya disiapkan sepenuhnya beberapa hari lalu selepas tertangguh beberapa ketika.

"Niat nak buat tu memang dah lama. Cuma selalu tak ada masa," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di bengkel motosikal miliknya di Kampung Pokok Tampang di sini semalam.

Menurut Muhamad Sodri atau lebih dikenali sebagai Mat Sod, antara keunikan *buggy* tersebut ialah menggunakan enjin motosikal jenis Modenas GT128 dan kerangka atau besi terpakai selain tayar traktor jenis 'recond' yang dibaik pulih dan dijual semula dari Jepun.

Katanya, penyerap hentakan atau *absorber* pula diambil daripada motosikal jenis Yamaha RXZ manakala kebanyakan peralatan lain dalam kenderaan itu menggunakan bahan terpakai dengan anggaran kos keseluruhan RM3,000.

"Paling susah semasa hendak buat 'gear box' (kotak gear). Dua kali buat baru betul-betul puas hati," katanya yang tidak menggunakan gear box kereta untuk mengundur sebaliknya menghasilkan gear undur menggunakan kreativiti sendiri.

Jelas Muhamad Sodri yang berpengalaman sebagai mekanik motosikal selama lebih 20 tahun, setakat ini, dia menerima banyak permintaan untuk mendapatkan *buggy* berkenaan, namun, belum berhasrat menjualnya ketika ini.

Sementara itu, rakannya, Azman Ali, 48, juga kagum dengan usaha gigih dan kreativiti Muhamad Sodri dalam menghasilkan kenderaan unik itu meskipun sedar digunakan untuk mengangkut baja atau



**MUHAMAD SODRI ZUBIR (kiri) bersama Azman Ali ketika sesi pandu uji *buggy* yang dibangunkannya sendiri di Kampung Pokok Tampang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.**

peralatan pertanian lain.

"Saya pernah cuba membawa *buggy* ini sebelum dicat dan walaupun tidaklah selaju mana,

namun boleh dianggap kuat untuk kenderaan jenis *buggy*.

"Setakat ini tidak menjadi masalah untuk mengangkut

sehingga 20 beg baja seberat 20 kilogram setiap satu dengan menggunakan *buggy* ini," katanya.

Penggemar bakal nikmati raja buah dengan harga lebih murah hujung Julai ini

# Terengganu lambak 7,080 tan durian

Oleh TENGKU DANISH BAHRI  
TENGKU YUSOFF

**KUALA TERENGGANU** - Penduduk Terengganu dijangka akan menikmati durian dengan harga lebih murah berikutan ketibaan musim raja buah berkenaan di negeri itu mulai hujung bulan ini.

Pengarah Lembaga Pemastakan Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Che Ghani Che Wan berkata, pihaknya menganggarkan pengeluaran sebanyak 7,080 metrik tan durian daripada pekebun di negeri ini dengan kemuncaknya pada September ini.

"Kami menjangkakan pengemar durian di negeri ini akan dapat menikmati durian pada harga lebih mampu milik antara RM5 hingga RM8 sekilogram (kg) berikutan lambakan pengeluaran tempatan bermula hujung bulan ini atau awal bulan depan.



**PEMBELI durian bakal menikmati harga antara RM6 hingga RM8 1kg bermula hujung bulan ini.** - GAMBAR HJASAN

"Setakat ini, harga borong durian di ladang sekitar RM4 hingga RM5 1kg dan diramal akan terus menurun sehingga RM3 1kg tidak lama lagi," katanya selepas menyampaikan sambutan sayur dan buah di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) UITM Chendering di sini semalam.

Sumbangan mengikut program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin berkenaan diterima Pengarah Operasi PKRC UITM Chendering, Dr. Sharifah Azizah Syed Mohammad Shibli.

Che Ghani berkata, harga durian yang agak tinggi sehingga RM25 sekilogram bagi durian kampung dan kahwin di Terengganu buat masa ini disebabkan kebanyakannya dibawa masuk dari Johor dan Pahang.

Sehubungan itu, beliau percaya lambakan durian tempatan tidak lama lagi akan menyebabkan semua harga runcit durian di pasaran negeri ini.

"Setakat ini, FAMA negeri telah menerima 200 permohonan surat pengesahan daripada pemborong durian tempatan yang mahu memungut hasil mereka di ladang masing-masing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	SINAR HARIAN	OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB	9

# Kerajaan negeri tak bertolak ansur - MB

Kerajaan negeri konsisten dalam tangani pencerobohan tanah di HSK Batu Talam

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

**K**ebenaran Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) diperlukan sekiranya pekebun-pekebun haram durian musang king di Hutan Simpanan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub mahu memasuki kawasan operasi penguatkuasaan untuk mendapatkan semula barangan milik mereka yang tertinggal di situ.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, beliau menerima permintaan itu daripada

Setiausaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon berhubung perkara itu pada Selasa.

Menurutnya, beliau menerima kunjungan Tirbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Senator Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhamad di pejabatnya di Wisma Sri Pahang di sini yang turut disertai Sin Woon.

"Pada kunjungan hormat ini, turut dibangkitkan tentang kerja-kerja penguatkuasaan dalam HSK Batu Talam membabitkan kebun durian musang king haram seluas 101.17 hektar ini.

"Saya telah menyatakan ketegasan kerajaan negeri secara konsisten dalam kerja-kerja penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah secara haram di negeri ini," tegas beliau melalui satu kenyataan pada Rabu.



WAN ROSDY WAN ISMAIL

Wan Rosdy berkata, tindakan penguatkuasaan yang dilakukan tidak mengira kaum mahu pun kawasan atau daerah ia berlaku.

Operasi memusnahkan kawasan kebun durian haram dalam HSK Batu Talam yang bermula 3 Julai lalu selesai dilakukan pada Ahad lalu yang mana 15,000 pokok durian telah

ditebang.

Kerja-kerja pemuliharaan hutan telah dilakukan dengan menanam lebih 2,000 pelbagai spesies pokok hutan di kawasan terbabit. Operasi tersebut sebelum ini mendapat bantahan dan tentangan pekebun haram terlibat sehingga 18 individu terpaksa ditahan. Keadaan kembali tenang dan operasi berjalan lancar selepas anggota Pasukan Gerakan Am dikerah ke lokasi.

RPDR-PKPP bakal ambil tindakan undang-undang

KUANTAN - Pihak pengurusan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP) akan mengambil tindakan undang-undang sekiranya perlu atas fitnah dan sangkaan buruk yang dilemparkan pihak tertentu terhadap RPDR-PKPP dalam isu kebun durian haram di Hutan Simpanan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, pihaknya juga akan memberi penjelasan awam berkaitan syak wasangka yang timbul disebabkan beberapa tuduhan palsu dan fitnah pada satu masa yang sesuai kelak.

"Operasi penguatkuasaan ke atas kebun haram tersebut tiada kaitan dengan aktiviti pihak RPDR-PKPP, sebaliknya ia tindakan biasa yang dijalankan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) terhadap ladang haram melibatkan kawasan seluas 101 hektar di HSK Batu Talam.

"Sebagaimana kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, penguatkuasaan yang dilakukan itu berdasarkan undang-undang," kata kenyataan itu pada Selasa.

Syarikat itu menjelaskan, operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan itu di luar kawasan kebun durian haram yang menjadi isu di peringkat mahkamah,

## Pekebun dilarang masuki HSK Batu Talam untuk ambil barang tertinggal

KUANTAN - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) tidak membenarkan pekebun memasuki kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Batu Talam untuk mengambil barang yang tertinggal dalam kawasan tersebut.

JPNP dalam kenyataannya berkata, ia kerana tindakan ini boleh mengganggu siasatan yang kini sedang giat dilengkapkan sepenuhnya untuk tujuan pendakwaan.

"Keputusan itu dibuat setelah mendapat nasihat serta pandangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang dan Timbalan Pendakwa Raya," jelas JPNP melalui kenyataan

pada Rabu.

Terdahulu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menerima permintaan daripada Setiausaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon untuk berbuat demikian pada kunjungan hormat di Wisma Sri Pahang pada Selasa.

Bagaimanapun dalam kenyataannya, Wan Rosdy meminta Sin Woon mendapatkan sendiri kebenaran JPNP sekiranya pekebun haram di Hutan Simpanan Kekal Batu Talam, mahu memasuki kawasan operasi penguatkuasaan untuk mendapatkan semula barangan milik mereka.



Jabatan Perhutanan Negeri Pahang tidak membenarkan pekebun memasuki kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Batu Talam untuk mengambil barang mereka yang tertinggal dalam kawasan tersebut.


TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	THE STAR	THOUSAND WORDS	10



**Ripe for harvest**

Former software engineer Han Sing Keng tending to his durian orchard in Kulai, Johor. Han, who has been selling durian for more than 13 years, says his trees produce about three tonnes of the King of Fruits daily. Despite the border being closed due to the Covid-19 pandemic, the 45-year-old still receives orders from Singaporean customers and delivers the thorny delights to them in the Island republic. — THOMAS YONG/The Star

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/7/2021	THE STAR	MUKA DEPAN	1



# Reduced bounty from the sea

Shrinking fishing zones and dwindling catch spell hardship for coastal fishermen in Gelang Patah, Johor. >2&3

Stories by ZAZALI MUSA  
metro@thestar.com.my

COASTAL fishermen yearn for the good old days when they used to land large catches.

Fisherman Kamaruzaman Haron from Kampung Melayu Gelang Patah claimed their catch started to dwindle about a decade ago due to land reclamation activities.

"Life is not easy as we have to depend on the sea for our livelihood," he said when met at Pasar Pendekar Laut, Jeli Pak Ngah in Gelang Patah, Johor.

Pasar Pendekar Laut, located about 40km from Johor Baru city centre, is the embarkation point for coastal fishermen from Gelang Patah.

"Before the reclamation projects started, I could easily get between 30kg and 40kg of prawns after spending about four hours at sea," said Kamaruzaman.

The 56-year-old, who became a fisherman when he was 12, said the amount of prawns caught 10 years ago would give him about RM600 to RM1,000.

"Now I consider myself lucky if I get a kilogramme or two. Most of the time I come back empty-handed," he said, adding that on average, his monthly catch was about 30kg.

Kamaruzaman said he now had to go as far as Pulau Merambong, about 20km away, to fish as waters near the villages are no longer rich with marine life.

"We also travel as far as Kukup Pontian, about 54km from here, and even to the border of Pulau Karimun, Indonesia in the Straits of Malacca, as marine life is still bountiful at these places," he said.

Fellow fisherman Faidarus Abd. Rahim, 39, from Taman Desa Paya Mengkuang said it was risky to fish in Kukup and Pulau Karimun.

"The Straits of Malacca is very busy with many vessels and it is dangerous, especially at night, but what choice do we have?" he lamented.

## Fishing further out to land better catch

Due to coastal erosion, Kg Melayu Gelang Patah fishermen forced to travel far to earn income



Fishermen unloading mussels at Jeli Pak Ngah in Kampung Pendek Laut, Gelang Patah, Johor. — Photos: ZAZALI MUSA/The Star

Faidarus, who has been a fisherman for over 20 years, said he used to make about RM600 from 30kg of prawns. Now he earns only about RM100.

He said he now had to work two shifts.

The first is from 5pm to 11pm. He then goes back to rest before returning to the sea from 4am to 10am.

"It is a case of *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang* for us (living from hand to

mouth)," he said.

It is a different story for 27-year-old Ridhwan Yazid, who decided to quit after being a fisherman for about eight years.

In 2019, he became a delivery rider with a courier company as he

## South Johor fishermen want state govt to develop agro-tourism products

COASTAL fishermen are hoping the federal and state governments will consider their suggestions to improve the fishing sector in south Johor.

Johor South Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz said they needed help to diversify their activities to supplement their income.

"Large-scale land reclamation projects along the shoreline have affected our livelihood as the fishing zones for us have shrunk," Azli, 57, said in an interview at Pasar Nelayan in Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang, Johor.

He said their income had declined between 50% and 60% in the past five to seven years due to land reclamation activities for waterfront development projects.

Azli said the association had in 2019, asked the Agriculture and Agro-based Industry Ministry to organise courses for fishermen to venture into agro-tourism.

"The ministry should work with the Marine Department to train and issue licences to our members so they can become helmsmen to cater to anglers," he said, adding that it would cost them RM1,500 to acquire the licence.

Azli said there was good demand from anglers and fishing enthusi-



Johor South Fishermen Association has submitted a proposal to the government to turn Kampung Bakar Batu Perling into an agro-tourism spot. — Filepic

asts, including those from Singapore, but fishermen do not have the required licence to bring them out to sea.

He said the proposals were made before the last general election but did not materialise as there was a change in government at both federal and state levels.

Azli said there were plans by the previous Barisan Nasional state

government to turn Pulau Juling near Kang Kong, Masal into a resort and seafood restaurant.

"We hope the state government will consider going ahead with the project as it will benefit us," he added.

Azli said the association had also submitted proposals to the state government to develop Kampung Sungai Temon and Kampung Bakar



Azli says fishermen need to diversify their activities to supplement their income.

Batu Perling, which are Orang Asli villages, as agro-tourism products.

The Pasar Nelayan Orang Asli in Kampung Kuala Masal had been approved and would open soon, to benefit 66 Orang Asli households in the village, he added.

Also in the pipeline are mussel breeding projects at Sungai Tiga in Tanjung Langsat, Pasir Gudang and Sungai Papan in Pengarang, Kota Tinggi.

There are about 2,500 coastal fishermen in south Johor and their fishing areas are within 10 nautical miles covering Tanjung Piai, Iskandar Puteri, Pulau, Johor Baru, Pasir Gudang and Tebrau.



The mangrove swamp at Kampung Pendas Laut used to be home to many species of marine life but their number is going down.

wanted to earn a steady income. "Life as a fisherman is hard as you don't have a fixed income like a salaried worker," said Ridhwan, adding that his basic salary was RM1,200 and he used to get a good commission for every parcel delivered.

He said although business was good as more people were buying items online, his company slashed his commission.

Ridhwan quit three months ago and is happy to be back at sea even though his income is uncertain.

Meanwhile, ISEAS-Yusof Ishak Institute in Singapore visiting fellow Dr Serina Rahman said there were five major coastal development projects in and around the Straits of Johor.

"The projects involve land reclamation and sand dredging, including clearing of mangrove plants," she said.

Apart from development, Serina said climate change had also led to dwindling marine life as sea water in the area was becoming cooler due to changes in current and



Fishermen weighing their catch which they say has been decreasing for the past 10 years.

wind direction.

She said prior to land reclamation activities and clearing of mangrove trees, the area used to be home to endangered species such as dugong, green turtles and hawksbill turtles.

"Years ago, fishermen used to

spot turtles that came to Pulau Merambong to lay eggs but not anymore," said Serina.

She added that the areas rich in seagrass had four species of seahorses as well as saltwater or estuarine crocodiles such as *buaya tembaga* or *buaya katak*.



Kamaruzaman says fishermen travel as far as Pulau Merambong, about 20km away, to fish.



Serina says there are five major coastal development projects in and around the Straits of Johor.



Feidarus says fishing in the Straits of Malacca is dangerous but the fishermen have no choice.

## Fishermen urged to take up aquaculture, fish farming



Fish cage farming like this set-up in Kukup, Pontian will be intensified — Filepic

JOHOR Fisheries Department is taking proactive measures to ensure the sustainability of fish resources and marine life in the state.

Its director Noraishah Hashim said these initiatives would help increase the population of marine life although the fishing zone had shrunk due to development.

They include erecting artificial reefs and fish aggregating devices or *umjam*, disallowing fishing boats from other states from landing their catch in Johor and ensur-

ing sustainable resources through better fishing management.

"With all these, we hope fishermen can still enjoy a bountiful catch and earn a steady income," said Noraishah.

She said coastal erosion along Gelang Patah and Pontian from high waves and oil spills in the Straits of Malacca had impacted fish population in those two areas.

"The natural habitat for mussels along Teluk Jawa up to Masai is also declining and fishing activi-

ties are dwindling," she said.

Noraishah said a collision between two vessels in the waters off Johor Port in Pasir Gudang in January 2017 had caused more than RM1m in losses to fishermen and fish breeders.

She said the department released about two million *udang gajah* (freshwater prawns) and freshwater fish fry in rivers in Johor yearly.

"At the same time, we also encourage fishermen to venture



Noraishah says the Fisheries Department is taking proactive measures to ensure the sustainability of fish resources in the state.

into aquaculture or fish farming to ensure food security in Johor," added Noraishah.

She said 464 fishermen had ventured into fish cage farming in Johor Baru, Kota Tinggi and Pontian.

"The species being bred include *stakap* (seabass), *jenahak* (golden snapper) and red snapper," she added.

She said fishermen were also involved in seastell farming in Batu Pahat, Johor Baru, Kota Tinggi, Tangkak and Pontian.